

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP DAN PENYERAHAN TRAVEL GUIDE JELAJAH FTROADPEDIA ZON SELATAN

JOHOR : FTroadpedia Zon Selatan telah memulakan jelajahnya pada 7 hingga 9 Mei 2017 lalu, bergerak dengan dua buah bas dari Kompleks Kementerian Kerja Raya (KKR), menyusuri perjalanan lebih 600 kilometer, menjengah lokasi menarik, menjamah makanan setempat, meninjau tapak projek dan mengaudit Jalan Persekutuan dari Selangor, Negeri Sembilan, Melaka hingga ke Johor Darul Takzim.

Cetusan ide untuk kempen jelajah FTRoadpedia oleh Menteri Kerja Raya YB. Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof adalah bertujuan untuk mengembalikan era kegemilangan jalan-jalan persekutuan yang sewajarnya dekat di hati rakyat tapi kini kian dilupakan, tidak diambil peduli oleh generasi Y, malah *taking it for granted* oleh kebanyakan khalayak. Inisiatif dalam bentuk awareness & educational secara berterusan ini akan dilaksanakan oleh KKR untuk memastikan pengguna juga sama-sama bertanggungjawab apabila berada di atas jalan raya.

Objektif utama Jelajah FTRoadpedia KKR 2017 adalah mengajak rakyat mengenali dan mendekati 'jalan lama' yang kaya dengan kepelbagaian sosio budaya kehidupan masyarakat serta keindahan alam semula jadi di seluruh pelusuk negara.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Selain itu, Kementerian ingin memberi kesegaran pandangan (refreshing outlook) terhadap Jalan Persekutuan yang dibina dan diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Dengan slogan “cipta detik indah bersama” (Let’s Create A Moment), jelajah FTroadpedia ingin mengukir kembali keseronokan yang bakal dikecapi oleh rakyat Malaysia bagai menikmati kembara budaya dan gaya hidup masyarakat setempat. Kerajaan sudah membina lebih 19,822 kilometer (status tahun 2015) rangkaian Jalan Persekutuan. Terbaiknya, Jalan Persekutuan ini percuma, dibina untuk memudahkan pergerakan rakyat dan menjadi JALAN UTAMA menghubungkan bandar, kota, pekan dan kampong di seluruh tanah air.

Jelajah FTRoadpedia ini merupakan siri jelajah yang ketiga, sebelum ini jelajah telah meneroka jalan persekutuan di Zon tengah pada 6 Ogos 2016. Antara jalan Persekutuan yang dilalui ialah, FT05 berakhir hingga ke Dewan Komuniti Bestari, Batu 10, Lekir, Manjung, Perak. Keseluruhan laluan Zon Tengah ialah 203 km.

Seterusnya jelajah diteruskan ke siri kedua iaitu Zon Timur dari 23 hingga 25 Februari 2017 menggunakan laluan FT68, FT2, FT3 dan keseluruhan perjalanan ialah sejauh 462 km. Program Jelajah FTRoadpedia Zon Selatan, siri tiga ini pula melibatkan laluan Jalan Persekutuan di Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Perjalanan kali ini membabitkan FT01, FT05, FT19, FT95, FT52 dan FT23 yang melibatkan laluan sepanjang 462 km. Jumlah keseluruhan ialah 1,353 km yang telah dilalui dalam Jelajah FTRoadpedia, Kementerian Kerja Raya.

Turut menyertai program jelajah ini ialah pengamal media yang terdiri daripada media cetak dan elektronik. Sebanyak 15 agensi media telah dijemput untuk melihat dan merasai sendiri kesegaran dan pengalaman baru dalam menggunakan jalan persekutuan sebagai jalan utama menuju destinasi

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

percutian. Melalui informasi yang dihebahkan oleh pihak media orang ramai umumnya dapat mengenali jalan-jalan persekutuan dan sedar akan tarikan yang ditawarkan kepada pengguna jalan persekutuan.

Semasa jelajah ini juga rombongan FT dan para media di bawa melihat projek-projek pembangunan yang sedang rancak dijalankan seperti Lawatan Jambatan Parit Keliling Batu Pahat. Projek jambatan ini adalah projek menggantikan jambatan sedia ada. Pembangunan yang pesat di kawasan ini akan bertambah rancak dengan adanya jambatan yang lebih baik bagi menghubungkan kawasan sekitar. Secara tidak langsung, ia mampu mengalakkan pembangunan kawasan setempat dan memajukan masyarakat sekitarnya.

Lawatan projek diteruskan lagi ke Projek Menaiktaraf Jalan Muar-Tangkak-Segamat, Johor (Fasa 1: Segamat-Tangkak) Pakej 3. Projek ini melibatkan pelebaran jalan daripada 2 lorong sedia ada dinaiktaraf kepada 4 lorong. Ia bertujuan menampung peningkatan jumlah kenderaan dan kegiatan ekonomi di kawasan luar bandar. Sesungguhnya usaha pembangunan kerajaan adalah untuk rakyat dan manfaatnya kepada rakyat tidak dapat disangkal lagi. Dengan ini, pembangunan berterusan di kawasan setempat dapat dipertingkatkan lagi.

Malam ini adalah acara Majlis Perasmian Penutup dan acara simbolik program penyerahan *Travel Guide* Zon Selatan oleh YBhg. Ketua Pengarah Kerja Raya kepada YAB Menteri Besar Johor dan YB Menteri Kerja Raya serta penyerahan plak Jelajah FT Roadpedia Zon Selatan oleh YB Menteri Kerja Raya kepada YAB Menteri Besar Johor.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Menariknya, *Travel Guide FT*Roadpedia siri 3 ini adalah buku panduan yang lengkap untuk pengguna yang mahu bercuti, bersantai, berkursus mahu pun pulang ke kampung ketika musim perayaan. Ia memaparkan kawasan-kawasan yang sesuai untuk dilawati seperti Taman Negara Tanjung Piai, selain lokasi makanan rakyat setempat seperti Masak Lomak Cili Api Nelayan di Seremban, Keria Antarabangsa Klebang, Asam Pedas Melaka, Mi Bandung Muar, Mi Racun Batu Pahat, Soto Segamat, Mi Rebus Gear Box JB, Kari Kambing 40 hari Ayer Hitam dan lain-lain yang popular selepas viral di media sosial.

Diharapkan program seumpama ini dapat memberi persepsi positif di kalangan rakyat mengenai keprihatinan dan usaha kerajaan menyediakan infrastruktur yang berkualiti dan bertaraf tinggi untuk kemudahan rakyat khususnya jalan raya.

KKR akan terus melaksanakan langkah proaktif untuk memastikan jalan-jalan diselenggara dengan baik bagi memastikan keselesaan pengguna. Inisiatif berterusan ini diharap dapat membantu meningkatkan industri pelancongan dan ekonomi setempat di sepanjang Jalan Persekutuan yang semakin dilupakan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

8 MEI 2017

3/3

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my